

UMT anjur seminar kaji potensi hidupan laut

SH 20/05/08 73

Persidangan ini merupakan platform kesemua pakar mengumpul kepakaran bagi mengkaji lebih mendalam hidupan laut yang berpotensi dijadikan ubat memandangkan ia merupakan kajian pertama di dunia.

■ NURUL HUDA HUSAIN

KUALA TERENGGANU -

Penganjuran Persidangan Antarabangsa ke atas Hidupan Laut dan Potensi kepada Perubatan-bio: Jangkaan dan Kesedaran oleh Institut Akuakultur Tropikal, Universiti Malaysia Terengganu (UMT) merupakan peluang bagi pelajar dan penyelidik berkongsi ilmu dengan pakar dari luar negara.

Pengarah institut, Prof Dr Faizah Shahrom, berkata, kesemua penceramah yang akan membentang kertas kerja pada persidangan tersebut merupakan pakar dan penyelidik terkenal antarabangsa.

"Peserta yang terlibat dalam



Peserta seminar memberi tumpuan ke atas pembentangan kertas kerja di Auditorium Perpustakaan Sultanah Nur Zahirah, UMT, semalam.

persidangan selama dua hari ini berpeluang melihat sendiri pembentangan kertas kerja oleh sembilan pakar dalam bidang berkenan terdiri pensyarah dari tiga buah universiti iaitu, Kolej Seni dan Sains, Goa, India, Universiti Paris, Perancis dan pensyarah UMT sendiri," katanya.

Beliau berkata demikian kepada **Sinar Harian** ketika ditemui selepas persidangan sesi pertama berhenti rehat, di Auditorium Perpustakaan Sultanah Nur Zahirah, UMT

di sini, semalam.

Menurutnya, persidangan tersebut berkisar kepada mengkaji hidupan yang terdapat dalam laut negara yang boleh dijadikan ubat untuk merawat pelbagai jenis penyakit selain menjadi makanan dan berkongsi kepakaran.

"Persidangan ini merupakan platform kesemua pakar mengumpul kepakaran bagi mengkaji lebih mendalam hidupan laut yang berpotensi dijadikan ubat memandangkan ia merupakan kajian pertama di

dunia," katanya.

Sehubungan itu, beliau amat berharap pelajar dan penyelidik tempatan yang terlibat dalam sidang berkenaan menggunakan peluang tersebut dengan sebaiknya.

Beliau turut berkata, pihaknya turut akan mengadakan upacara menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) dengan universiti yang terlibat dalam persidangan kali ini, namun tarikh sebenar masih belum ditetapkan kedua-dua pihak.